



30 SEP, 2023

TNB percepat TBB menerusi tiga projek

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2



DATUK Ir. Baharin Din (tengah), Ketua Pegawai Kewangan TNB, Nazmi Othman (kanan) dan Ketua Pegawai Operasi TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (kiri), semasa sesi taklimat kepada penganalisis mengenai keputusan kewangan suku kedua Kumpulan di ibu pejabat TNB, baru-baru ini.

TNB percepat TBB menerusi tiga projek

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) memacu tenaga boleh baharu (TBB) berskala besar dan inisiatif teknologi bersih, dengan menerajui tiga projek utama yang digariskan oleh Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din telah mengumumkan fungsi TNB sebagai peneraju projek Taman Solar Berskala Besar (LSSP), Hibrid Solar Terapung Hidro (HHFS), serta pembakaran bersama hidrogen dan ammonia, yang kesemuanya penting untuk memajukan agenda hijau negara sambil memupuk pertumbuhan ekonomi.

Katanya, Pelan Peralihan Tenaga TNB sejajar dengan NETR, menekankan tiga bidang utama iaitu mempercepatkan penyahkarbo-

nan, membangunkan grid rentas sempadan yang fleksibel dan memperkasakan elektrifikasi dan prosumer rentas sektor.

"Pelan TNB untuk menjana 3,000 megawatts (MW) TBB menjelang 2040 dalam lingkungan projek utama NETR. Ini termasuk memanfaatkan 2,500MW atau 2.5 gigawatt (GW) melalui teknologi inovatif HHFS di samping 500MW tambahan daripada lima LSSP berbeza, masing-masing mempunyai kapasiti 100MW.

"Projek Hibrid Solar Terapung Hidro (HHFS) pula akan dilaksanakan dalam empat fasa mulai 2023 hingga 2040 dan ditempatkan secara strategik di empangan hidro TNB.

"TNB Power Generation Sdn. Bhd. akan mengetuai pemasangan berkapasiti 230MW di loji hidro Temenggong dan Chenderoh sebagai sebahagian daripada pelan projek 2.5GW. Projek ini di-

jangka siap menjelang 2025," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, Baharin turut mendedahkan Bahagian Tenaga Baharu (NED) TNB sedang menyokong Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP), yang ditetapkan untuk menjana 90MW apabila mula beroperasi pada 2025.

Ujarnya, program itu memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk penyelesaian tenaga mampan melalui LSSP, melengkapi projek sedia ada di Sepang, Selangor (50MW) dan Bukit Selambau (30MW) serta Bukit Selambau 2 (50MW), Kedah yang dijangkakan beroperasi sepenuhnya hujung tahun ini.

TNB berganding dengan Petronas untuk projek pembakaran bersama hidrogen dan ammonia serta bekerjasama dengan Mitsui & Chugoku bagi inisiatif ammonia dan biojisim, bertujuan mempelbagai sumber portfolio tenaganya.